

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta PERDANA MENTERI
menyatakan:

- (a) untuk 23 kes kematian dalam tahanan polis 2009 sehingga 2014 (rujuk jawapan mesyuarat ketiga 2014 rujukan 7318 soalan 516, tiada tarikh) yang telah dirujuk kepada DPP, senaraikan status dan keputusan DPP untuk setiap kes; dan
- (b) untuk 20 kes yang masih dalam siasatan, senaraikan setiap kes dan menyatakan status siasatan kes tersebut dan untuk 6 kes yang dirujuk kepada Majistret, senaraikan setiap kes dan nyatakan apa maksud rujuk kepada Majistret dan apakah hasilnya.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan jawapan pertanyaan Dewan Rakyat seperti yang dirujuk, status kes kematian dalam tahanan bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti yang berikut:

Status	Bil.
(a) Dalam proses siasatan lanjut pihak polis	8 kes
(b) Timbalan Pendakwa Raya mengeluarkan inkues tetapi tarikh inkues belum ditetapkan oleh Majistret.	9 kes
(b) Proses inkues sedang berjalan	3 kes
(c) Majistret memutuskan inkues tidak dijalankan dan Timbalan Pendakwa Raya mengarahkan inkues dijalankan berdasarkan kuasa di bawah seksyen 339 Kanun Tatacara Jenayah.	3 kes
Jumlah	23 kes

2. Berdasarkan maklumat daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) "*kes-kes yang dirujuk kepada Majistret*" adalah bermaksud kes-kes yang telah lengkap dan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk dikemukakan kepada Majistret sebagai Koroner yang menjalankan sesuatu Inkues.

Sekian, terima kasih.